



GARIS PANDUAN

**PENEYEDIAAN BUKU PENYELIDIKAN
GPIU**

1.1 PENGENALAN

- Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pemohon/penyelidik untuk menyediakan buku penyelidikan Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU).
- Pemohon/penyelidik perlu mengikut format yang ditetapkan dalam penyediaan buku penyelidikan ini bagi memudahkan urusan penerbitan.

1.2 FORMAT UMUM PENULISAN

Pemohon/penyelidik perlu menggunakan perisian Microsoft Words dengan jenis tulisan (font type) **TAHOMA** dan **jarak baris (spacing)** mengikut template penyediaan buku penyelidikan GPIU yang telah disediakan.

1.3 FORMAT KHUSUS PENULISAN

Pemohon/penyelidik hendaklah mengikut format penyediaan buku penyelidikan GPIU berdasarkan templat yang disediakan seperti berikut:

Bil.	Perkara
1	Kulit Hadapan
2	Helaian Judul
3	Helaian Hak Cipta
4	Isi Kandungan • Penomboran jadual dan rajah adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir. • Penomboran muka surat diletakkan di sudut bawah sebelah kanan.
5	Senarai Jadual • Tajuk jadual ditulis di bahagian atas. • Nyatakan sumber dan tahun pada jadual yang dipetik dari sumber rujukan (sekiranya bukan hasil penyelidikan/penulis). • Penomboran jadual adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir.
6	Senarai Rajah • Tajuk rajah di bahagian bawah rajah. • Nyatakan sumber dan tahun pada rajah yang dipetik dari sumber rujukan (sekiranya bukan hasil penyelidikan/penulis). • Penomboran rajah adalah berturutan dari bab 1 hingga bab akhir.
7	Prakata <u>Perenggan pertama</u> Pernyataan syukur kepada Allah SWT dan junjungan besar Rasulullah SAW. <u>Perenggan kedua dan ketiga</u> Ringkasan tentang buku bagaimana terhasilnya dan harapan terhadap buku ini. <u>Perenggan keempat</u> Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang berkaitan (termasuk UIS yang telah menganugerahkan dana/geran GPIU).

	tahun < >. • Satu muka surat sahaja
8	Abstrak • Satu muka surat sahaja. • Tanpa kata kunci
9	Isi Kandungan • Senarai isi kandungan buku penyelidikan secara tersusun dan sistematik mengikut bab dalam manuskrip penyelidikan.
10	Rujukan • Cara penulisan rujukan adalah mengikut format APA secara konsisten. • Senarai rujukan ditulis selepas tamat semua bab (bukan pada setiap akhir bab). • Kaedah penulisan senarai rujukan perlu mematuhi format melalui pautan: - Format APA Edisi ke-7 https://penerbit.utm.my/wp-content/uploads/sites/11/2023/02/APA-STYLE-REFERENCE.pdf
11	Indeks • Indeks merupakan kata nama atau rangkai kata pendek yang penting dan jarang ditemui. • Disusun mengikut abjad dan diikuti oleh nombor muka surat.
12	Blurb • Tuliskan tajuk dan nyatakan deskripsi atau huraian ringkas yang menarik tentang buku penyelidikan ini. • Tujuannya untuk memberi sinopsis tentang kandungan buku penyelidikan. • Nyatakan latar belakang penulis dan bidang kepakaran secara ringkas serta tidak terlalu padat.
13	Kulit Belakang
14	Tulang Buku

1.4 REKA BENTUK KULIT

Reka bentuk grafik kulit hadapan, belakang dan tulang buku penyelidikan akan disediakan oleh pemohon/penyelidik dan ditambah baik oleh pihak Penerbit UIS jika perlu.

1.5 SAIZ BUKU PENYELIDIKAN

Saiz bagi sesebuah buku penyelidikan apabila siap adalah ditetapkan pada saiz A4.

1.6 BILANGAN MUKA SURAT

Bilangan muka surat bagi buku penyelidikan GPIU hendaklah di antara 80 hingga 100 muka surat termasuk lampiran.

1.7 WARNA KLUSTER PENYELIDIKAN

Pilihan warna bagi penyediaan **page border** muka hadapan dan **blurb** buku penyelidikan adalah berdasarkan kluster penyelidikan seperti berikut:



Kewangan dan Pengurusan Islam



Tamadun dan Pemikiran Islam



Teknologi dan Inovasi

PENUTUP

Para pemohon/penyelidik perlu menghantar borang-borang dan dokumen berikut:

1. Surat perakuan dan serahan ikatan manuskrip.
2. Borang penilaian manuskrip pewart.
3. Borang pengesahan semak pruf.
4. Satu salinan hard copy manuskrip bersaiz A4.
5. Salinan soft copy manuskrip dihantar melalui e-mel kepada penerbit@kuis.edu.my